

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

## Stigma masyarakat perlu berubah

29. Mar 2009

Sinar Harian

Selangor & KL

60000

0

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
S6  
158 cm2  
Daily  
Full Color  
869.99



## Stigma masyarakat perlu berubah

**SERI SEMARAK** Isu jangkitan wabak denggi dan Chikungunya sering menjadi topik besar.

Bagaimanapun, masalah itu didakwa tetap dipandang remeh segenap masyarakat kerana ceteknya pengetahuan dan tidak mahu berubah kepada tahap yang lebih baik.

Pegawai Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), R Paramesavathy berkata, masyarakat negara ini lebih takut apabila mendengar Aids atau HIV berbanding jangkitan Aedes.

Menurutnya, apa yang sepatutnya ditakuti dengan Aedes adalah jangkitan denggi boleh membawa maut serta merta berbanding Aids yang bertahun-tahun sebelum me-

nemui ajal.

"Inilah sikap masyarakat negara ini dan stigma serta tingkah laku sebegini perlu diubah segera supaya masalah tidak berlanjutan sehingga boleh memusnahkan kehidupan baik," katanya pada Taklimat Kehidupan Murni di Dataran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak, di sini, semalam.

Katanya, masalah itu perlu ditangani bersama.

"Kerap kali apabila terdapatnya kes atau nyamuk di sesuatu tempat, penduduk akan meminta PBT melakukan semburan nyamuk (fogging), tetapi ia cuma sementara sahaja kerana ia hanya membunuh nyamuk dewasa.

"Apa yang lebih mustahak adalah kita mengawal



● Cif Inspektor Mispani ketika memberi taklimat sekaligus merasmikan majlis tersebut, semalam.

dan memantau kebersihan persekitaran tempat tinggal seperti menghapuskan tempat pembiakan nyamuk, antaranya kawasan air yang bertakung," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, denggi juga tiada rawatan dan ubat khusus, malah belum ada satu vaksin yang boleh mencegah jangkitan itu.

"Apa yang boleh dilakukan oleh masyarakat negara ini adalah melalui tingkah laku pembasmian dan ia perlu datangnya dari diri sendiri," katanya.

Hadir sama, Ketua Balai Polis Wangsa Maju, Cif Inspektor Mispani Hamdan yang turut memberi taklimat dan merasmikan majlis tersebut.